




Perkara VII

PERPUSTAKAAN



Perpustakaan

Perpustakaan Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) beroperasi untuk mencapai misi memenuhi keperluan maklumat untuk aktiviti pengajaran, pembelajaran, penyelidikan dan perundingan Universiti.

Sejak awal penubuhan sehingga kini, pemerksaan sumber maklumat tetap diberi penekanan bagi memastikan keperluan Universiti dipenuhi dan sumber maklumat Perpustakaan adalah sentiasa terkini.


Pada tahun 2008 sahaja, pengguna Perpustakaan dapat menikmati tambahan sepuluh sumber rujukan elektronik baru di samping langganan pakej tambahan bagi sumber elektronik sedia ada.

Perkhidmatan Akses

Dahulunya perkhidmatan ini dikenali sebagai Perkhidmatan Sirkulasi. Perkhidmatan pinjaman, pemulangan, pembaharuan dan tempahan bahan bacaan adalah diletakkan di bawah Perkhidmatan Akses.

Ia merupakan salah satu perkhidmatan utama selain perkhidmatan lain yang ditawarkan oleh unit runding maklumat dan unit repositori digital dan media. Berikut adalah statistik

Statistik Perkhidmatan Akses 2008




Pemerksaan Sumber Maklumat

Pembangunan koleksi sumber ilmiah merupakan satu agenda penting kepada Perpustakaan dalam memastikan setiap keperluan pengajaran, pembelajaran, penyelidikan dan perundingan Universiti dipenuhi.

Berikut adalah jumlah koleksi yang dimiliki oleh Perpustakaan UniMAP sehingga tahun 2008. Perpustakaan kini telah memiliki 28,281 naskhah buku bercetak, 60 judul jurnal bercetak, 8,767 judul jurnal elektronik, 56,534 buku elektronik, 3,789 bahan media dan 1,945 koleksi bersiri dan dokumen yang terdiri daripada majalah, keratan akhbar, risalah, laporan tahunan dan prospektus.

Statistik Perbandingan Pembangunan Sumber Ilmiah Tahun 2007 dan 2008



Perkembangan Koleksi Elektronik

Koleksi elektronik meningkat dengan ketara dalam aspek bilangan jika dibandingkan untuk tahun 2007 dan 2008. Bagi buku elektronik, terdapat peningkatan sebanyak 6,990 (56,534) pada tahun 2008 berbanding 2007 (10,269).

Koleksi jurnal elektronik juga meningkat sebanyak 9.95% pada tahun 2008 berbanding tahun sebelumnya.

Peningkatan langganan ini secara tidak langsung berupaya menyumbang kepada keberkesanan pencarian dan perolehan maklumat ilmiah kepada pengguna Perpustakaan UniMAP. Capaian kepada sumber ilmiah juga disediakan 24 jam x 7 hari melalui kemudahan pelayan Ezproxy.

Perkembangan Koleksi Bercetak

Koleksi buku bercetak telah meningkat sebanyak 3,479 naskhah iaitu sebanyak 6% dari tahun sebelumnya. Walaupun peratusan kenaikan seakan rendah tetapi ianya sejajar dengan sasaran tahunan iaitu peningkatan sebanyak 3000 naskhah buku setahun.

Terkini@Perpustakaan

Akhbar Pelbagai Bahasa

Perpustakaan UniMAP telah melangganan 2 akhbar berbahasa asing iaitu Bahasa Tamil (Tamil Nesan) dan Bahasa Cina (Nanyang Siang Pau) pada tahun 2008 selain dari 2 akhbar Bahasa Malaysia dan 2 Bahasa Inggeris. Langganan kepada dua (2) akhbar berbahasa asing itu adalah untuk memenuhi keperluan komuniti UniMAP yang berbilang kaum dan agama.

Bahasa Inggeris

Bahasa Malaysia

Bahasa Tamil

Tamil Nesan

Bahasa Cina

Nanyang Siang Pau



BLIS (Bernama Library & Infolink Service)

Akses kepada BLIS disediakan urutan daripada Memorandum Perjanjian (MoU) antara UniMAP dan BERNAMA pada tahun 2007. Pada tahun 2008, Perpustakaan UniMAP telah mengambil inisiatif untuk melangganan BLIS dengan 50 akaun pengguna serentak melalui pakej konsortium melalui Jawatankuasa Pangkalan Data Komersial (PDK). BLIS disifatkan sebagai pusat capaian sehenti kepada maklumat tempatan berdasarkan keupayaan pengguna membuat pencarian maklumat daripada 27 suratkhabar dan majalah, ucapan, fakta dan figura, berita arkib, berita luar negara, bank data serta direktori. Antara sumber suratkhabar dan majalah yang terkandung di dalam BLIS adalah :-

Agence France Press	Far Eastern Economic Review	Suara Rakyat
Asian Wall Street Journal	Harian Metro	Sunday Mail
AsiaWeek	Malay Mail	The Edge
Berita Harian	Malaysian Business	The Star
BERNAMA	National Echo	Time
Bintang Timur	Newsweek	Utusan Malaysia
Business Times	Sarawak Tribune	Warta Darulaman
Eastern Sun	South	Watan
Economist	Straits Echo	





Journal Citation Reports®

SCOPUS

Repositori Digital

Sistem Repotori Digital telah dibangunkan oleh Perpustakaan UniMAP menggunakan perisian Dspace yang dibangunkan oleh Massachusetts Institute of Technology (MIT) dan Hewlett Packard (HP). Ia dibangunkan khusus untuk mengumpul, menyimpan, memelihara dan menyebarluaskan kandungan ilmiah yang telah dihasilkan oleh warga institusi. Antara bahan yang disimpan di dalam Sistem Repotori Digital adalah keratan akhbar, projek akhir tahun, kertas persidangan, artikel jurnal, tesis dan disertasi, kertas peperiksaan tahun lepas, bank rujukan, imej digital, ucapan, fakta universiti dan sebagainya.

Sistem Repotori Digital ini amat penting untuk meningkatkan perkongsian ilmu, meningkatkan impak skor citation, meningkatkan akses kepada maklumat tempatan dan menjadi sumber rujukan untuk tujuan pengajaran, pembelajaran dan penyelidikan.

Journal Citation Report (JCR) dan Scopus dalam Memperkasa Penerbitan Universiti

Journal Citation Report (JCR) merupakan satu alat analitikal jurnal yang membantu pengguna mengenalpasti dan menganalisa faktor impak sesuatu jurnal penerbitan. Ia juga turut menghasilkan maklumat statistik berdasarkan data petikan (citation data). Secara umumnya, JCR menawarkan :

- Kekerapan bilangan petikan bagi sesuatu judul jurnal
- Jurnal paling popular dalam sesuatu bidang penyelidikan
- Nilai faktor impak kepada jurnal yang diliputi
- Bilangan artikel yang diterbitkan dalam sesuatu bidang perkara


Justeru itu, dengan mudah pengguna dapat mengenalpasti dan memilih jurnal berimpak untuk tujuan penerbitan hasil penyelidikan dan disebarluas ke seluruh dunia. dan rujukan penyelidikan.

Scopus telah muncul sebagai produk hebat selepas dipilih sebagai sumber data untuk mengenalpasti indikator impak penyelidikan dalam sistem penarafan Times Higher Education (THE). Justeru itu, Perpustakaan mengambil tindakan proaktif untuk melanggan pangkalan data ini pada September 2008. Ia merupakan pangkalan data indeks dan abstrak terbesar yang membolehkan pengguna :


- Mengesan maklumat dalam bidang penyelidikan dan pengajaran. Hasil pencarian komprehensif meliputi jurnal ilmiah, paten, jurnal akses terbuka dan maklumat web saintifik
- Mengakses paparan teks penuh kepada artikel jurnal yang dilanggan oleh Perpustakaan UniMAP serta aktikel teks penuh daripada jurnal akses terbuka.
- Menilai impak penyelidikan menerusi maklumat bilangan petikan artikel dari tahun 1996 hingga kini.

Sumber Rujukan Elektronik

Pada tahun 2008, Perpustakaan meluaskan langganan kepada sumber rujukan elektronik. Bahan ini menyediakan rujukan maklumat, fakta, statistik, geografik dan banyak lagi. Melalui penawaran koleksi ini, pengguna berupaya mendapatkan kepada maklumat fakta 24 jam sehari melalui pelayan Ezproxy.





Capaian kepada Sumber Maklumat Elektronik




Capaian kepada sumber maklumat elektronik dilihat meningkat dengan ketara terutama sejak tahun 2007. Ini melambangkan kepesatan proses mengesan dan memperolehi maklumat dalam format elektronik oleh warga UniMAP.

Statistik Muat Turun Bagi Tiga Pangkalan Data Jurnal Elektronik Utama 2008



Statistik Muat Turun Bagi Tiga Pangkalan Data Buku Elektronik Utama 2008



Program Literasi Maklumat

Program pendidikan pengguna dirancang rapi setiap tahun dalam usaha membudaya dan meningkatkan perkongsian ilmu di kalangan warga UniMAP.

Berikut adalah antara program-program Pembudayaan dan Perkongsian Ilmu yang dianjurkan pada tahun 2008 :-

Program Outreach ke Pusat Pengajian

Perpustakaan UniMAP mengambil langkah proaktif untuk mengunjungi staf akademik dan para pelajar di pusat-pusat pengajian melalui program Outreach. Selain menerima kunjungan pengguna di Perpustakaan, para Pustakawan kini bertandang ke pusat pengajian untuk mempromosi perkhidmatan, koleksi dan kemudahan Perpustakaan.

Melalui program ini, peserta didedahkan dengan maklumat terkini mengenai sumber maklumat terbaru khususnya dalam format elektronik yang bersesuaian dengan bidang pengajian di pusat pengajian. Antara sumber maklumat terkini yang diketengahkan adalah pangkalan data *Scopus*, *Emerald ManagementXtra*, *Bernama Library Infolink Service* dan pendedahan berkaitan perkhidmatan Pinjaman Antara Perpustakaan (PAP). Peserta juga diharapkan dapat menguasai kaedah penggunaan EndNote seterusnya memanfaatkan perisian ini dalam menguruskan senarai rujukan atau bibliografi mereka melalui bengkel EndNote.

Sambutan dan pertanyaan mengenai bengkel Endnote terutamanya daripada para pelajar dan pensyarah amat menggalakkan. Bagi memenuhi keperluan maklumat kumpulan berkenaan, Bengkel EndNote telah dilaksanakan sepanjang tahun 2008. Perpustakaan UniMAP telah mengambil inisiatif melaksanakan bengkel berkenaan di makmal komputer pusat-pusat pengajian yang berupaya menampung lebih ramai peserta.

Orientasi Perpustakaan untuk Pelajar Baru

Sempena kemasukan pelajar baru sesi 2008/2009, Perpustakaan UniMAP dengan kerjasama Pusat Kemahiran Komunikasi & Keusahawanan (PKKK) dan Institut Matematik Kejuruteraan (IMK) telah menganjurkan Program Orientasi Perpustakaan pada 7 hingga 10 Julai 2008. Program ini telah diadakan di dewan-dewan kuliah sekitar Kuala Perlis, Jejawi dan Kubang Gajah.

Kerjasama PKKK dan IMK yang membenarkan pihak Perpustakaan UniMAP menggunakan sesi kuliah bagi subjek-subjek yang melibatkan pelajar baru melancarkan perjalanan program selain meningkatkan jumlah penyertaan

Program berkenaan yang bertujuan untuk mendedahkan pelajar tentang koleksi, kemudahan dan perkhidmatan telah berjaya menarik penyertaan seramai 875 orang pelajar baru melalui 28 sesi taklimat. Melalui program ini, para pelajar dilatih mengesan dan membuat pencarian secara efisien untuk mendapatkan maklumat yang bersesuaian. Selain itu, mereka juga didedahkan tentang sumber elektronik meliputi e-jurnal, e-buku, dan e-tesis yang ditawarkan oleh Perpustakaan UniMAP.

Program yang sama turut dianjurkan kepada pelajar-pelajar baru pengambilan kedua pada 10 Ogos 2008 di Dewan Keikhlasan. Seramai 143 orang pelajar telah menyertai 6 sesi taklimat.




Penerbitan

Dalam aspek penerbitan, Universiti terus bergerat dalam menerbitkan karya-karya asli pelbagai kategori penerbitan dalam Bahasa Inggeris dan Bahasa Malaysia terutamanya dalam kategori penerbitan ilmiah. Segala penerbitan ilmiah Universiti diusahakan oleh Unit Penerbitan, Perpustakaan selaku penerbit bagi pihak Universiti. Sepanjang tahun 2008, Unit Penerbitan telah menerbitkan empat judul buku, dua jurnal, 28 judul modul pengajaran dan makmal. Selain itu, Unit Penerbitan juga terlibat dalam menguruskan penerbitan bahan bukan ilmiah seperti buku program, poster, risalah, banting dan brosur. Sehingga 31 Disember 2008 sebanyak 12 bahan bukan ilmiah telah diurus terbit.

Penerbitan Universiti 2008 mengikut Jumlah

Bahan	Bil
Buku	4
Jurnal	2
Modul Pengajaran	28
Cetakan-cetakan lain	12



Tuanku Canselor melancarkan penerbitan khas sempena Majlis Santapan Malam Istiadat Konvokesyen Ke-3

Penerbitan Khas

